



PENGUMUMAN PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA TERBENGGKALAI DI TAMAN SELAYANG MUTIARA (KRISTAL), SELAYANG, SELANGOR



Pada 28 Oktober 2021, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican mengadakan lawatan turun padang bagi meninjau dan mengumumkan langkah pemulihan projek perumahan swasta yang terbengkalai di Taman Selayang Mutiara, Selayang, Selangor. Turut hadir dalam tinjauan tersebut ialah YB Rodziah Ismail, Exco Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Keusahawanan Selangor, YBhg. Datuk Azhar bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti), Tuan N. Jayaselan, Ketua Pengarah, Jabatan Perumahan Negara (JPN), Puan Nor Azlina binti Abdul Aziz, Pegawai Daerah Gombak dan Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang.



Projek Perumahan Taman Selayang Mutiara, Selangor ini merupakan sebuah projek perumahan di bawah Delpuri Corporation Sdn. Bhd (DCSB) dan sepatutnya disiapkan pada 10 Mac 2006. Namun, projek perumahan ini telah disahkan terbengkalai oleh YB Menteri KPKT pada 18 Februari 2013 selaras dengan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Perlesenan) 1966 [Akta 118]. DCSB telah dikenakan perintah penggulungan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Projek Perumahan Selayang Mutiara Blok Kristal ini yang merupakan rumah pangsa kos sederhana rendah agak sukar untuk dipulihkan kerana terdapat pelbagai isu di tapak projek seperti isu penduduk setinggan, perkongsian infrastruktur dan isu status tanah bagi tangki air, loji rawatan dan kawasan lapang.

Secara keseluruhannya, kini terdapat sebanyak 78 projek perumahan swasta meliputi 17,605 unit rumah dan melibatkan seramai 11,735 orang pembeli telah disahkan sebagai terbengkalai di Semenanjung Malaysia selaras dengan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]. Di Negeri Selangor sahaja, terdapat sebanyak 32 buah projek terbengkalai yang terdiri daripada 10,855 unit kediaman. Manakala di kawasan Selayang termasuk Taman Selayang Mutiara ini, terdapat tujuh projek terbengkalai yang terdiri daripada 3,002 unit kediaman. YB Dato' Sri Reezal Merican menyatakan bahawa KPKT sedang meneliti semua projek perumahan yang sakit, lewat dan terbengkalai melalui penubuhan sebuah War Room yang dipengerusikan oleh beliau sendiri. War Room ini antara lain berperanan melihat usaha bersepadu untuk memulihkan semula projek-projek terbengkalai agar boleh didiami selaras dengan matlamat Malaysia Berdaya Huni yang digagaskannya.

KPKT mensasarkan tujuh projek terbengkalai dapat dipulihkan pada tahun 2021 menerusi pendekatan rundingan, mudah cara dan penguatkuasaan. Sehingga kini, sebanyak empat projek telah berjaya dipulihkan dan tiga projek lagi dijangka selesai menjelang akhir 2021. KPKT juga sedang mengkaji untuk menambah baik kriteria pemulihan projek dengan dana kerajaan dalam menangani masalah projek-projek perumahan swasta terbengkalai yang telah diduduki oleh pembeli tetapi pemajuan masih belum memperolehi Certificate of Completion and Compliance (CCC) atau CFO kerana kemudahan infrastruktur masih belum disiapkan.

Sehubungan dengan itu, KPKT akan terus memberikan komitmen sepenuhnya dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang efisien kepada rakyat. Penyediaan perumahan yang selesa untuk Keluarga Malaysia merupakan agenda utama KPKT dalam merealisasikan matlamat Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) melalui gagasan “Liveable Malaysia atau Malaysia Berdaya Huni”. Ia selari dengan aspirasi dan keprihatinan kerajaan dalam mewujudkan perumahan yang selesa dan mampu milik untuk rakyat.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat